



International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies
(IJWCPS)
Universiti Sains Malaysia
<https://ejournal.usm.my/ijwcps/>
e-ISSN: 3030-5071
Volume 4 March 2026: 78-103

Submission date: 30.10.2025 Accepted date: 14/12/2025 Published date: 01/03/2026

**Sifat dan Konstruk *Fiqh al-Watan* dalam Masyarakat
Melayu Tradisional: Analisis Literatur
(*The Nature and Construct of Fiqh al-Watan in Traditional
Malay Society: A Literature Analysis*)**

**Azman Yusof*¹, Ibrahim Majdi Mohd Kamil²,
Amran Muhammad³, Mohd Kamarul Amree Mohd Sarkam⁴
& Rahimin Affandi Abdul Rahim⁵**

**Universiti Kuala Lumpur MICET¹, Universiti Sains Malaysia²,
Institut Ilmu Darul Makmur³, Universiti Pertahanan Negara
Malaysia⁴ & Perbadanan Muzium Negeri Pahang⁵**

***Corresponding author: azmanyusof@unikl.edu.my**

Abstrak

Artikel ini meneliti sifat dan konstruk *fiqh al-watan* dalam masyarakat Melayu tradisional melalui pendekatan analisis literatur terhadap tiga karya penting warisan Melayu-Islam: *Hukum Kanun Pahan*, *Thamarat al-Muhimmah* dan *Gurindam Dua Belas*. Ketiga-tiga teks ini mencerminkan satu usaha pengislahan hukum dan pemerintahan berdasarkan prinsip Islam yang digabungkan secara halus dengan realiti tempatan. Analisis kandungan dan struktur teks ini mendapati *fiqh al-watan* bersifat kontekstual, menyeluruh dan seimbang. Ia menumpukan aspek hukum yang bersifat legalistik dan turut merangkumi dimensi *siyasah syar'iyah* akhlak kepimpinan, pendidikan jiwa pemerintah, serta pembentukan masyarakat yang beretika dan beradab. Kajian ini juga menunjukkan bahawa *fiqh al-watan* yang terpancar dalam karya-karya ini telah membentuk satu kerangka epistemik Melayu-Islam yang berakar pada

sejarah, budaya dan pengalaman umat Islam Nusantara. Kerangka ini menyerlahkan kesepaduan antara syariah, urus tadbir dan pembinaan peribadi pemimpin sebagai asas kelangsungan sebuah negara Islam yang adil dan berdaulat. Justeru, dalam menghadapi cabaran pemikiran transnasional dan tekanan terhadap institusi warisan, *fiqh al-watan* wajar dimartabatkan semula sebagai rujukan ilmiah dan juga sebagai asas kepada pembentukan pemikiran politik dan sistem kenegaraan Islam yang bersifat tempatan, berakar dalam tradisi, dan tetap sejajar dengan *maqasid al-syar'iyah*. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pemulihan dan pembangunan wacana Islam yang lebih berwatankan Malaysia dan Nusantara.

Keywords: *Fiqh al-Watan*, Hukum Kanun Pahang, *Thamarat al-Muhimmah*, Gurindam Dua Belas, Epistemologi Melayu-Islam

Abstract

This article examines the concept of *fiqh al-watan* within traditional Malay society through a literature-based analysis of three significant Malay-Islamic heritage works: *Hukum Kanun Pahang*, *Thamarat al-Muhimmah*, and *Gurindam Dua Belas*. These texts demonstrate efforts toward legal and administrative reform rooted in Islamic principles, subtly blended with local realities. Analyzing their content and structure reveals that *fiqh al-watan* is flexible, comprehensive, and balanced. It highlights legal aspects while also including *siyasah shar'iyah*, ethical leadership, spiritual growth of rulers, and the development of a moral and cultured society. The study further shows that the *fiqh al-watan* depicted in these works creates a Malay-Islamic knowledge framework based on the history, culture, and lived experiences of the Muslim community in the Malay Archipelago. This framework emphasizes integrating Sharia, governance, and personal development of leaders as essential for maintaining a just and sovereign Islamic state. Therefore, in the face of transnational ideological challenges and pressures on traditional institutions, *fiqh al-watan* should be reaffirmed as both an academic reference and a foundation for developing localized, tradition-based political thought and Islamic governance aligned with *maqasid al-shar'iyah*. This research aims to contribute to the revival

and growth of an Islamic discourse that is uniquely Malaysian and Nusantara in character.

Keywords: *Fiqh al-Watan*, Hukum Kanun Pahang, *Thamarat al-Muhimmah*, Gurindam Dua Belas, Malay-Islamic Epistemology

Pengenalan

“Watan” berasal daripada perkataan Arab yang bererti tanah air. Justeru, konsep *fiqh al-watan* merujuk kepada satu pendekatan keilmuan Islam dalam bidang hukum yang berakar dalam realiti serta berteraskan budaya, adat dan struktur masyarakat setempat. Ia bukan sekadar penyesuaian teknikal terhadap prinsip-prinsip syariah, tetapi satu usaha intelektual dan spiritual untuk menterjemahkan nilai-nilai Islam dalam kerangka sosial-politik yang bersifat kebangsaan. Dalam konteks Alam Melayu, *fiqh al-watan* menjadi manifestasi kesepaduan antara ajaran Islam yang universal dengan kearifan tempatan, apabila hukum Islam ditafsir secara kontekstual berdasarkan sejarah, adat, struktur sosial, dan sistem politik sedia ada. Melalui pendekatan ini, hukum Islam berperanan bukan hanya sebagai undang-undang, tetapi juga sebagai wahana pembinaan tamadun, pemantapan pemerintahan yang adil, dan pemupukan akhlak kepemimpinan. Kajian ini menelusuri tiga teks penting warisan Melayu-Islam tradisional iaitu *Hukum Kanun Pahang*, *Thamarat al-Muhimmah*, dan *Gurindam Dua Belas*, yang mewakili ekspresi *fiqh al-watan* dalam bentuk yang tersendiri: dari penginstitusian hukum, nasihat politik, hingga didikan moral. Ketiga-tiga teks ini memperlihatkan bagaimana hukum, moral dan budaya digabung secara harmoni dalam membentuk masyarakat yang berteraskan Islam, namun tetap setia kepada akar watan dan tradisi sendiri.

Perbincangan

Kerangka Teoretis: *Fiqh al-Watan* Sebagai Disiplin Tempatan

Definisi Awal *Fiqh al-Watan*

Fiqh al-Watan merupakan satu pendekatan keilmuan dalam bidang hukum Islam yang merujuk kepada keupayaan umat Islam untuk mentafsir, menyesuaikan, dan melaksanakan syariat dalam kerangka tempatan secara kontekstual, selaras dengan keperluan sesebuah watan, tanpa mengabaikan prinsip-prinsip asas agama. Pendekatan ini menekankan kepentingan lokaliti dalam pembentukan hukum dengan mengambil kira adat tempatan (*urf*), realiti politik, struktur sosial, dan cabaran semasa yang dihadapi oleh sesuatu masyarakat. Dalam erti kata lain, *fiqh al-watan* boleh difahami sebagai suatu bentuk *ijtihad mu'asir* (ijtihad kontemporari) yang berasaskan kerangka *maqasid al-syari'ah* (tujuan-tujuan syariah), *urf* (kebiasaan masyarakat) dan *siyasah syar'iyah* (tadbir urus berteraskan syariah), yang kesemuanya digabung secara harmoni demi menjamin keadilan, kemaslahatan dan keberlangsungan Islam dalam realiti setempat.

Pendekatan ini telah digagaskan oleh beberapa sarjana semasa seperti Yusuf al-Qaradawi (1997) yang menekankan keperluan *fiqh al-waqi'* (*fiqh realiti*) dalam kerangka ijtihad kontemporari. Konsep ini turut berkait rapat dengan gagasan "*al-takyif al-fiqhi*" atau penyesuaian hukum dalam konteks lokal yang dikembangkan dalam wacana *fiqh al-aqaliyyat* (*fiqh komuniti Muslim di negara bukan Islam*) dan *fiqh ql-muwatanah* (*fiqh kewarganegaraan*), yang menggesa agar hukum Islam tidak dibekukan dalam bentuk teks, tetapi dibangunkan secara dinamik sesuai dengan konteks sejarah dan budaya masyarakat Islam di pelbagai wilayah (al-Qaradawi, 2009).

Fiqh al-Watan dan Prinsip Islamisasi Keilmuan

Konsep *fiqh al-watan* mempunyai keserasian yang mendalam dengan gagasan Islamisasi ilmu yang digariskan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1980), yang menekankan bahawa ilmu mesti dikembalikan kepada makna asalnya yang sahih berasaskan pandangan alam Islam (*Islamic worldview*). Dalam kerangka ini, *fiqh al-watan* boleh ditafsiri sebagai satu

bentuk pemulihan epistemologi, di mana suatu proses mentakrif dan menyusun semula warisan ilmu Islam agar sesuai dengan realiti dan keperluan umat setempat, tanpa tunduk kepada dominasi epistemik kolonial atau ideologi transnasional yang mengaburkan identiti umat Islam. Menurut al-Attas, proses pembinaan tamadun Islam tidak boleh berlandaskan peniruan terhadap sistem Barat, sebaliknya perlu diasaskan kepada prinsip *tauhid* yang menjadi teras pandangan alam Islam, merangkumi dimensi sejarah, kuasa, dan struktur ilmu.

Maka, *fiqh al-watan* dapat dilihat sebagai manifestasi praktikal terhadap gagasan Islamisasi ini, di mana hukum Islam bukan sekadar sistem perundangan, tetapi berperanan sebagai asas kepada pembentukan identiti politik, nilai sosial dan struktur institusi yang mencerminkan cita rasa, keperluan dan jati diri umat Islam setempat. Dengan itu, *fiqh al-watan* bukan sahaja menawarkan alternatif kepada wacana hukum Islam yang bercorak transnasional atau tekstual semata-mata, malah mengangkat kembali keutuhan warisan keilmuan Islam yang kontekstual, berakar dalam watan, dan berpaksikan *maqasid al-syar'iyyah* serta pandangan alam tauhid.

Asas Teori dalam Pembentukan *Fiqh al-Watan*

Secara konseptual, *fiqh al-watan* berdiri atas beberapa prinsip utama yang berakar dalam disiplin ilmu *usul al-fiqh* dan *siyasah syar'iyyah*, yang bersama-sama membentuk asas epistemologi serta kerangka normatifnya, iaitu:

Jadual 1: Prinsip dan Peranan *Fiqh al-Watan*

Prinsip	Peranan dalam <i>Fiqh al-Watan</i>
<i>Maqasid al-Syar'iyyah</i>	Menentukan objektif hukum yang menjaga agama, nyawa, akal, harta dan keturunan.
<i>'Urf</i> (adat setempat)	Dijadikan sumber hukum selama tidak bercanggah dengan syarak, dan memperkukuh keterikatan lokal.
<i>Siyasah Syar'iyyah</i>	Memberi ruang autoriti pemerintah Islam untuk merumus dasar dan hukum berdasarkan maslahat.

<i>Istihsan dan Istislah</i>	Menerima pendekatan fleksibel terhadap situasi tertentu demi menjamin keadilan dan kemudahan.
<i>Qawa'id Fiqhiyyah</i>	Digunakan untuk membina formula hukum seperti <i>dar' al-mafasid</i> dan <i>jalb al-masalih</i> .

Semua prinsip di atas, secara nyata dapat dikesan dalam teks-teks tradisional Melayu seperti *Hukum Kanun Pahang* serta karya-karya penting Raja Ali Haji, termasuk *Thamarat al-Muhimmah* dan *Gurindam Dua Belas*. Kewujudan prinsip-prinsip tersebut membuktikan bahawa masyarakat Melayu, sejak sekurang-kurangnya abad ke-15 hingga ke-19, telah mengaplikasikan teori *fiqh* secara sistematik dan kontekstual dalam kerangka tempatan mereka. Ia bukan sahaja mencerminkan kefahaman mendalam terhadap prinsip-prinsip *uṣul al-fiqh* dan *siyasah syar'iyah*, malah menunjukkan keupayaan masyarakat Melayu untuk membangunkan satu model pelaksanaan syariah yang seimbang antara tuntutan teks dan realiti setempat. Pendekatan ini memperlihatkan bahawa pelaksanaan hukum Islam dalam tradisi Melayu bukanlah suatu tiruan pasif terhadap sistem luar, tetapi hasil daripada suatu proses ijtihad yang teliti, kreatif dan berakar dalam nilai-nilai tempatan serta pandangan alam Islam yang menyeluruh.

***Fiqh al-Watan* sebagai Reaksi terhadap Hegemoni Kolonial dan Haraki**

Kebangkitan semula gagasan *fiqh al-watan* bukan sahaja penting untuk mengisi semula nilai-nilai Islam dalam ruang publik, tetapi turut berperanan sebagai mekanisme intelektual untuk menolak dua bentuk hegemoni besar:

- Pertama, orientalisme dan naratif kolonial yang menafikan kewujudan tamadun Islam lokal, seperti yang dapat dikesan dalam karya-karya tokoh seperti Winstedt dan Raffles (Winstedt 1934; Raffles 1821);
- Kedua, fikrah *haraki-hizbi* transnasional yang menolak legitimasi sistem politik dan sosial tempatan, termasuk institusi kesultanan, dan menyifatkan adat Melayu sebagai *bid'ah* serta penghalang

kepada Islam tulen (Mohamad Abu Bakar 2001; Rahimin Affandi 2007).

Sehubungan itu, *fiqh al-watan* berfungsi sebagai strategi epistemik untuk mempertahankan keabsahan institusi Islam lokal yang telah berakar dalam sejarah, sambil menyaring pengaruh asing yang tidak sejajar dengan konteks sosiobudaya Melayu-Islam.

Kedudukan *Fiqh al-Watan* sebagai Disiplin Ilmu

Dalam ruang akademik, *fiqh al-watan* boleh dikategorikan sebagai satu cabang keilmuan yang merangkumi tiga dimensi utama:

- *Fiqh al-mu'amalat al-dusturiyyah* – hukum berkaitan urusan tadbir kenegaraan dan struktur institusi;
- *Fiqh al-ta'aqul ma'a al-tarikh* – fekah yang berinteraksi secara kritis dengan sejarah dan warisan peradaban Islam tempatan;
- *Fiqh al-'adat wa al-taqlid* – fekah yang mengatur dan menilai adat serta budaya masyarakat menurut neraca syarak.

Kajian terhadap karya-karya seperti *Hukum Kanun Pahang*, *Thamarat al-Muhimmah* dan *Gurindam Dua Belas* membuktikan bahawa ketiga-tiga dimensi ini telah dipraktikkan secara dinamik dan tersusun oleh para ulama serta intelektual Melayu dalam kerangka keilmuan Islam yang kontekstual.

Hukum Kanun Pahang Sebagai Manifestasi *Fiqh al-Watan* Berstruktur

a) Latar Sejarah dan Konteks Penggubalan

Hukum Kanun Pahang (HKP) merupakan salah satu dokumen perundangan Melayu-Islam yang terpenting dan menjadi manifestasi awal kepada konsep *fiqh al-watan* dalam bentuk yang tersusun, berstruktur dan praktikal. Kanun ini digubal semasa pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhyiddin Shah (1592–1614), ketika negeri Pahang sedang mengalami proses Islamisasi yang pesat dalam sistem pemerintahan dan institusi kenegaraan. Ketika itu, Pahang bukan sahaja berada dalam lingkungan

pengaruh budaya dan politik Kesultanan Melaka, tetapi juga mewarisi tradisi perundangan Islam yang telah diasimilasikan dengan struktur politik tempatan yang berteraskan institusi kesultanan dan adat Melayu.

Penggubalan HKP perlu difahami dalam konteks transformasi sosial dan politik yang berlaku di Alam Melayu pada abad ke-16 dan ke-17, di mana wacana keislaman semakin mengakar dalam struktur pemerintahan. Kanun ini bukan sekadar hasil adaptasi undang-undang Islam secara literal, tetapi merupakan usaha sistematik untuk mengintegrasikan prinsip-prinsip syariah, termasuk hukum jenayah, muamalat, kekeluargaan dan tatakelola pemerintahan ke dalam sistem politik tempatan yang sudah lama beroperasi berasaskan adat dan hierarki kuasa tradisional. Hal ini menjadikan HKP bukan hanya sebagai dokumen legalistik, tetapi juga sebagai perwakilan fikah tempatan yang berfungsi dalam membentuk tatanan sosial-politik yang Islamik.

Kewujudan HKP memperlihatkan bagaimana hukum Islam tidak diterapkan secara asing dari luar, tetapi diolah secara teliti agar selari dengan keperluan setempat. Ia mencerminkan pendekatan *fiqh al-watan*, iaitu suatu bentuk ijtihad kolektif yang mengambil kira realiti masyarakat, struktur kuasa dan cabaran tempatan, sambil tetap berpegang teguh pada kerangka prinsip syariah yang berteraskan *maqasid al-syariah*. Justeru, HKP berperanan bukan sahaja sebagai bukti pelaksanaan hukum Islam dalam sejarah kerajaan Melayu, tetapi juga sebagai lambang pemikiran *fiqh* yang bersifat watan dan kontekstual.

b) Sifat Syariah dalam Kandungan Kanun

HKP terdiri daripada 93 fasal yang mencakupi pelbagai bidang utama dalam perundangan Islam, termasuk hukum jenayah, kekeluargaan, muamalat, adat tempatan, ibadah, serta aspek berkaitan tatakelola pemerintahan dan politik. Skop kandungan ini menggambarkan sifat holistik dan menyeluruh *fiqh* yang diaplikasikan dalam konteks kenegaraan Melayu-Islam pada masa tersebut. Dalam kerangka ini, beberapa aspek *fiqh* yang paling menonjol dan signifikan dapat dikenal pasti, antaranya ialah:

- Jenayah: Penerapan prinsip hudud, qisas, dan takzir (Fasal 4–8, 22, 46–59, 63).
- Muamalat: Hukum perdagangan, pinjaman, upah, dan wakaf (Fasal 2–3, 14–18, 24–44, 88).
- Kekeluargaan: Penyesuaian dari Kanun Melaka, merangkumi nikah, talak dan nafkah (Fasal 67).
- Agama dan Ibadah: Hukuman bagi murtad, meninggalkan solat, serta peraturan jihad dan saksi (Fasal 60–65).
- Siasah dan Adat: Menyusun kedudukan Sultan, pembesar, istiadat dan adab pemerintahan (Fasal 1, 12, 75, 82, 83, 91).

Dengan merangkumi semua aspek ini, HKP secara jelas menepati prinsip *syumul al-Islam* iaitu keutuhan dan kesempurnaan Islam dalam mengatur segenap dimensi kehidupan manusia, sama ada bersifat individu, sosial mahupun politik. Kesepaduan antara elemen syariah dan realiti tempatan yang ditampilkan dalam HKP bukan sahaja mencerminkan kefahaman mendalam terhadap prinsip-prinsip asas Islam, tetapi turut menunjukkan bagaimana hukum Islam diterjemahkan dalam bentuk yang praktikal dan kontekstual dalam kerangka budaya serta struktur masyarakat Melayu tradisional. Maka, secara tidak langsung, HKP boleh dianggap sebagai struktur asas kepada pembinaan *fiqh al-watan* dalam konteks sejarah dan peradaban Melayu, di mana prinsip-prinsip syariah diolah secara harmoni dengan nilai-nilai tempatan demi menjamin kelangsungan agama, kestabilan politik, dan kesejahteraan sosial.

c) Prinsip *al-Fiqh Watan* dalam Hukum Kanun Pahang

HKP bukan sekadar sebuah kodifikasi undang-undang yang mengandungi peraturan hukum dalam pelbagai bidang, tetapi turut mencerminkan ciri-ciri utama *fiqh al-watan* yang jelas dan dominan dalam struktur serta kandungannya. Ia memperlihatkan satu bentuk pelaksanaan hukum Islam yang disesuaikan dengan konteks sosiobudaya dan struktur politik masyarakat Melayu tradisional.

Jadual 2: Prinsip *Fiqh al-Watan* dalam HKP

Ciri-ciri <i>Fiqh al-Watan</i>	Manifestasi Dalam <i>Hukum Kanun Pahang</i>
<i>Tauhidik</i>	Kuasa raja tidak mutlak – Raja sebagai pelaksana hukum Allah (bukan pemilik hukum).
<i>Adabiyyah</i>	Peranan pembesar dan Sultan dibina atas adab dan kesantunan, bukan kuasa autoritarian.
<i>‘Urf Mahalli (Adat)</i>	Adat diterima selagi tidak bertentangan dengan syariah – contoh dalam urusan pernikahan dan warisan.
<i>Qanun Tertulis</i>	Pendokumentasian hukum dalam tulisan Jawi – simbol intelektualisme tempatan.
<i>Siyasah Syar‘iyyah</i>	Pelantikan qadi dan struktur kehakiman menurut syariah – bukan sistem sekular/kolonial.
<i>Maqaṣid al-Syari‘ah</i>	Perlindungan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta dalam fasal-fasal utama.

Penggubalan fasal-fasal dalam HKP secara sistematik turut menggambarkan tahap penguasaan yang tinggi terhadap disiplin ilmu *fiqh* dan *uṣul al-fiqh* oleh para penyusunnya. Ini terbukti melalui penerapan prinsip-prinsip utama seperti *raf‘ al-ḥaraj* (penghapusan kesukaran) dan *dar’ al-mafasid* (penolakan kemudarat), yang merupakan asas penting dalam memastikan hukum dapat dilaksanakan secara adil, seimbang dan relevan dengan realiti masyarakat. Selain itu, penggunaan metodologi seperti *qiyas* (analogi) dan *istiṣlah* (pertimbangan kemaslahatan umum) dalam merangka penyelesaian terhadap kes-kes sosial yang kompleks turut menunjukkan pendekatan *ijtihadiyyah* yang responsif dan kontekstual, selaras dengan semangat *fiqh al-watan* yang mementingkan keberkesanan hukum dalam lingkungan adat, budaya dan struktur sosial setempat (Ahmad Farid et al., 2023). Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh legitimasi hukum dalam kalangan masyarakat, malah menunjukkan kebijaksanaan *fiqh* Melayu dalam menyeimbangkan antara keteguhan prinsip syariah dan keperluan praktikal di lapangan.

d) *Hukum Kanun Pahang* sebagai Cerminan Tamadun Melayu Islam

Satu lagi aspek penting HKP ialah peranannya sebagai asas kepada pembentukan tamadun Melayu Islam yang berteraskan syariah dan berakar dalam budaya lokal. HKP bukan sekadar sebuah himpunan hukum, tetapi merupakan manifestasi menyeluruh kepada wacana keislaman yang telah diinstitusikan dalam sistem sosial-politik masyarakat Melayu. Beberapa ciri utama yang menonjol dalam konteks ini merangkumi:

- Bukti dokumentasi budaya tulis Melayu-Islam: Penggunaan tulisan Jawi sebagai bahasa perundangan rasmi, sekali gus memperlihatkan perkembangan budaya tulis yang menggabungkan fungsi perundangan dengan identiti bahasa dan aksara Islam tempatan.
- Simbol sistem kenegaraan Islam berteraskan institusi raja: Kanun ini menegaskan peranan raja sebagai pelindung agama (*hama al-din*), iaitu ketua negara yang bukan sahaja menjalankan kuasa politik, tetapi juga memikul tanggungjawab sebagai penjaga syariah dan keadilan.
- Struktur pemisahan kuasa secara beradab dan berfungsi: Wujudnya jawatan seperti Qadi, Syahbandar, dan Orang Besar Berlapan mencerminkan sistem pentadbiran yang berfungsi dalam kerangka semak dan imbang. Ini menunjukkan satu bentuk pemisahan peranan antara keagamaan, kehakiman, ekonomi dan politik yang teratur.
- Instrumen penyatuan antara *fiqh* dan tradisi tempatan: HKP menampilkan usaha penyesuaian antara prinsip-prinsip hukum Islam dengan realiti sosial masyarakat Melayu serta adat warisan yang tidak bertentangan dengan syariah. Penyatuan ini memperlihatkan pendekatan *fiqh* yang bersifat *watani* dan *maqasidi*, berteraskan prinsip *maslahah* dan *'urf*.

Keseluruhannya, HKP dapat ditafsir sebagai suatu ekspresi asli *fiqh al-watan*, iaitu pemikiran hukum Islam yang berpaksikan prinsip-prinsip syariah tetapi diolah dan dibentuk secara kontekstual mengikut struktur, budaya dan keperluan masyarakat Melayu. Ia merupakan bukti bahawa perundangan Islam dalam Alam Melayu bukan bersifat pemindahan luar,

tetapi hasil integrasi warisan Islam dan keunikan tamadun tempatan yang dinamik.

Raja Ali Haji dan *Thamarat al-Muhimmah* sebagai Komponen *Siyasah al-Fiqh al-Watan*

a) Kedudukan Raja Ali Haji dalam Tradisi Intelektual Melayu-Islam

Raja Ali Haji (1808–1873) merupakan salah seorang tokoh terpenting dalam tradisi intelektual Melayu-Islam abad ke-19, yang menonjol dalam pelbagai bidang keilmuan termasuk sejarah, bahasa, sastera, dan ketatanegaraan. Dilahirkan di Pulau Penyengat, Kepulauan Riau: sebuah pusat kesjaranaan dan budaya ilmu dalam lingkungan istana Kesultanan Riau-Lingga. Raja Ali Haji membesar dalam suasana intelektual yang subur; dikelilingi oleh ulama, ahli bahasa, sasterawan dan para pembesar yang berperanan sebagai penaung kepada wacana keilmuan Islam. Kehidupan beliau mencerminkan kesinambungan tradisi keilmuan Islam yang berakar dalam lingkungan istana, tetapi terbuka kepada perkembangan pemikiran kontemporari dunia Islam ketika itu. Antara karya terpenting beliau dalam bidang ketatanegaraan ialah *Thamarat al-Muhimmah*, yang secara zahirnya merupakan karya nasihat kepada para pemimpin, namun secara substantif berfungsi sebagai doktrin *siyasah syar'iyah* yang diolah secara tempatan.

Karya ini bukan sahaja menasihati golongan pemerintah agar menegakkan keadilan dan amanah, tetapi juga menyatukan prinsip-prinsip *fiqh*, adab dan akhlak dalam kerangka kepimpinan Islam yang kontekstual dan bersifat watan. Gagasan yang diketengahkan oleh Raja Ali Haji menampakkan kesinambungan dengan model *fiqh al-watan*, iaitu satu pendekatan terhadap politik Islam yang mengambil kira struktur kekuasaan, budaya tempatan dan keperluan semasa, sambil tetap berpaksikan kepada nilai-nilai asas syariah.

b) Struktur dan Kandungan *Thamarat al-Muhimmah*

Karya *Thamarat al-Muhimmah*, yang ditulis oleh Raja Ali Haji sekitar tahun 1857, merupakan salah satu teks penting dalam khazanah politik

Islam Melayu yang menzahirkan prinsip *siyasaḥ syarʿiyyah* dalam bentuk tempatan. Karya ini terbahagi kepada tiga bahagian utama yang mengandungi sejumlah 17 fasal, dan membicarakan secara sistematik pelbagai aspek yang berkaitan dengan pemerintahan, kepimpinan dan keadilan sosial berasaskan prinsip-prinsip Islam. Teks ini bukan hanya berfungsi sebagai risalah etika untuk para pemimpin, tetapi juga sebagai dokumen pemikiran fiqh politik Islam yang kontekstual dan berpaksikan kepada realiti masyarakat Melayu-Islam abad ke-19.

Antara isu-isu utama yang diketengahkan oleh Raja Ali Haji dalam karya ini termasuklah:

- Penegasan bahawa akidah yang benar dan penguasaan ilmu agama merupakan syarat asas bagi seorang pemerintah yang sah menurut syarak.
- Pelantikan dan pemecatan raja tidak boleh dilakukan secara mutlak, tetapi mestilah berasaskan prinsip keadilan dan amanah.
- Larangan keras terhadap amalan rasuah, pengkhianatan, kezaliman dan sifat takbur dalam kalangan pembesar, sebagai unsur yang merosakkan struktur pemerintahan.
- Penjelasan tentang hubungan timbal balik antara hukum syarak, hukum akal dan hukum adat, yang menggambarkan satu sintesis perundangan yang mencerminkan *fiqh al-watan*.
- Peranan institusi ulama dan qadi sebagai penasihat serta pengimbang kuasa kepada pemerintah, khususnya dalam konteks menasihati dan menegur raja yang menyimpang daripada syarak.
- Penekanan terhadap nilai-nilai rohani dan dalaman, seperti sifat warak, tawaduk dan sabar, yang bersumber daripada disiplin tasawuf, sebagai asas pembentukan jiwa pemimpin yang adil dan berwibawa (Khalif, 2011).

Melalui huraian ini, jelas bahawa Raja Ali Haji mengangkat prinsip bahawa seorang pemerintah yang tidak berilmu, tidak berlaku adil, dan tidak menjaga adab serta akhlak kepimpinan, akan membawa kepada kerosakan struktur negara dan kehancuran umat. Pandangan ini sejajar dengan prinsip *siyasaḥ syarʿiyyah* dalam wacana fiqh politik Islam, yang meletakkan kelayakan moral, akhlak, dan syarak sebagai syarat asas keabsahan kuasa pemerintahan (al-Māwardī, 1996; Azman Yusof, 2012).

Oleh itu, *Thamarat al-Muhimmah* bukan sekadar teks sastra nasihat, tetapi sebuah karya yang mendalam dalam membentuk kerangka teori politik Islam Melayu yang berteraskan *fiqh al-watan*.

c) Konsep Raja dan Pemerintahan Menurut Raja Ali Haji

Raja Ali Haji secara eksplisit mendefinisikan konsep kepemimpinan raja dalam *Thamarat al-Muhimmah* dengan merujuk kepada tiga istilah utama yang mencerminkan fungsi dan tanggungjawab seorang pemimpin Islam, iaitu:

1. Khalifah Rasulullah – merujuk kepada pemerintah yang bertindak sebagai pengganti Nabi Muhammad SAW dalam menegakkan syariat Allah, khususnya dalam aspek pelaksanaan hukum dan pemeliharaan maslahat umat;
2. Sultan – sebagai pelaksana kuasa yang diberi legitimasi untuk menjalankan hukuman dan menjaga keadilan berdasarkan petunjuk wahyu dan prinsip syariah;
3. Imam – pemimpin yang ditaati oleh umat selama mana perintahnya tidak bercanggah dengan hukum Allah dan tidak mengarah kepada kemaksiatan.

Definisi tiga serangkai ini menggambarkan pemahaman Raja Ali Haji terhadap teori kepemimpinan Islam klasik yang sarat dengan makna teologi, fiqhiyyah dan moral, sekali gus menunjukkan bahawa beliau menelusuri dan mengolah gagasan utama ulama terdahulu seperti al-Mawardī dan Ibn Taymiyyah. Konsep ini adalah selari dengan prinsip yang dikemukakan oleh al-Mawardī (1996) dalam *al-Aḥkam al-Sulṭaniyyah*, bahawa pemimpin Islam berperanan sebagai pelindung agama dan pengatur urusan dunia, suatu gagasan penting dalam wacana *siyasah syar'iyah*.

Namun demikian, Raja Ali Haji tidak hanya mengulang gagasan ini secara literal, sebaliknya beliau menyesuaikan dengan konteks kenegaraan Melayu yang berteraskan institusi raja dan warisan adat. Dalam kerangka ini, Raja tidak dianggap sebagai figura yang maksum atau kebal daripada kesalahan, tetapi seorang pemimpin yang tertakluk kepada tanggungjawab moral dan boleh ditegur oleh rakyat dan para ulama sekiranya berlaku penyelewengan. Pandangan ini selari dengan prinsip *al-amr bi al-ma'rūf*

wa al-nahy 'an al-munkar serta menonjolkan pendekatan *fiqh al-watan* yang meletakkan keharmonian antara kuasa, akhlak, dan syariah dalam acuan tempatan (Azman Yusof, 2012).

Dengan itu, Raja Ali Haji bukan sahaja mengangkat model pemerintahan Islam klasik ke dalam wacana politik Melayu, tetapi juga membina asas keilmuan politik Islam yang bersifat kontekstual, beradab dan berpaksikan syariah secara praktikal.

d) Unsur *Fiqh al-Watan* dalam *Thamarat al-Muhimmah*

Karya *Thamarat al-Muhimmah* memuatkan pelbagai gagasan politik Islam yang tidak hanya bersumber daripada tradisi klasik, tetapi juga disesuaikan dengan kerangka sosiopolitik dan budaya masyarakat Melayu pada abad ke-19. Hal ini menjadikan karya tersebut sebagai antara contoh terbaik manifestasi *fiqh al-watan*. Beberapa ciri utama *fiqh al-watan* yang dapat dikenal pasti secara jelas dalam karya ini termasuk:

Jadual 3: Unsur *Fiqh al-Watan* dalam *Thamarat al-Muhimmah*

Unsur <i>Fiqh al-Watan</i>	Penjelasan dalam <i>Thamarat al-Muhimmah</i>
<i>Siyasah Syar'iyah</i>	Pemerintah tertakluk kepada hukum Allah dan prinsip keadilan.
<i>Adab al-Muluk</i>	Raja harus menghindari sifat mazmumah seperti tamak, marah, gopoh dan hasad.
<i>Peranan Ulama dalam Politik</i>	Ulama adalah penasihat raja, bukan hanya pengurus ibadah – mereka wajib menegur kezaliman.
<i>Keadilan sebagai Teras Kuasa</i>	Pemerintah yang zalim akan ditolak – konsep ini ditanam dalam bentuk nasihat dan syair.
<i>Kesatuan Hukum dan Budaya</i>	Perpaduan antara syariah, adat, dan akal sebagai sumber perundangan.

Melalui ciri-ciri ini, *Thamarat al-Muhimmah* boleh dinilai bukan hanya sebagai karya nasihat atau etika kepimpinan, tetapi sebagai teks *fiqh al-watan* yang menyeluruh dan tersusun; mengintegrasikan fiqh, akhlak, adat

dan siasah dalam satu kerangka kenegaraan Islam Melayu yang berpaksikan syariah dan berakar dalam watan.

e) Pengaruh Tasawuf dan Falsafah Moral dalam *Fiqh al-Watan*

Keunikan pendekatan *fiqh siyasah* Raja Ali Haji dalam *Thamarat al-Muhimmah* terserlah melalui pengaruh tasawuf al-Ghazali, khususnya penekanan terhadap penyucian hati sebagai asas utama dalam pembentukan kepimpinan dan struktur kenegaraan. Dalam karya tersebut, beliau menggariskan bahawa penyakit-penyakit batin seperti takbur, *ghadab* (kemarahan tidak terkawal), tamak, dan hasad bukan sekadar cacat peribadi, tetapi merupakan unsur perosak utama yang mampu meruntuhkan keutuhan pemerintahan dan memusnahkan kestabilan negara.

Pendekatan ini selaras dengan tradisi *tazkiyat al-nafs* yang digariskan oleh Imam al-Ghazali dalam *Ihya' Ulum al-Din*, di mana reformasi diri (*islah al-nafs*) dan penyucian hati dianggap sebagai asas kepada keadilan sosial dan kestabilan politik. Raja Ali Haji menegaskan bahawa proses *islah al-qalb* (pembaikan hati) dalam diri pemimpin merupakan prasyarat mutlak bagi terbinanya *islah al-mamlakah* (reformasi negara). Dengan kata lain, kejayaan kepimpinan bukan semata-mata diukur melalui kecekapan pentadbiran atau kekuatan kuasa, tetapi ditentukan oleh keutuhan akhlak dan kebersihan batin pemerintah (Azman Yusof, 2012).

Hal ini membuktikan bahawa *fiqh al-watan* dalam konteks Melayu-Islam tidak bersifat dangkal atau sekadar instrumen legal-formal dalam struktur kuasa, tetapi merangkumi etos moral, spiritual dan peribadi yang berakar daripada ilmu tasawuf. Ia menampilkan satu model kenegaraan Islam yang seimbang antara hukum, kuasa dan akhlak; suatu ciri yang menjadikan tradisi *fiqh siyasah* Melayu unik dan autentik dalam sejarah ketamadunan Islam tempatan.

Gurindam Dua Belas* sebagai Ringkasan Akhlak *Fiqh al-Watan

a) Latar dan Tujuan Karya

Gurindam Dua Belas merupakan sebuah karya puisi klasik hasil karangan Raja Ali Haji yang disiapkan pada tahun 1263H/1847M di Pulau Penyengat. Meskipun berbentuk puisi ringkas dan terdiri daripada dua baris berima di setiap fasal, karya ini mengandungi inti pati pemikiran politik, moral dan kerohanian Raja Ali Haji yang padat, tersusun dan sarat dengan makna mendalam. Ia dianggap sebagai karya sastera yang bukan sahaja memperlihatkan kehalusan bahasa dan pemikiran *adabiyyah*, tetapi juga menjadi cerminan kepada idealisme kenegaraan dan pandangan alam Islam yang dipegang oleh pengarangnya.

Menurut Faishal Shadik (2007), *Gurindam Dua Belas* boleh dianggap sebagai ringkasan kepada dua karya utama Raja Ali Haji dalam bidang ketatanegaraan, iaitu *Muqaddimah fi Intizam* dan *Thamarat al-Muhimmah*. Kedua-dua karya ini mengandungi huraian mendalam tentang tanggungjawab pemerintah, prinsip keadilan, hubungan antara raja dan rakyat, serta peranan akhlak dalam pembinaan negara. Maka, *Gurindam Dua Belas* menjadi medium pengucapan yang lebih mudah difahami dan bersifat popular bagi menyampaikan nasihat-nasihat politik dan moral kepada khalayak yang lebih luas.

Setiap fasal dalam *Gurindam Dua Belas* merumuskan nilai-nilai utama dalam *fiqh al-watan*, antaranya penekanan terhadap ilmu dan amal, tanggungjawab pemimpin kepada rakyat, bahaya hawa nafsu dalam kekuasaan, dan kepentingan keadilan dalam pemerintahan. Pendekatan Raja Ali Haji dalam karya ini menunjukkan usaha menterjemahkan prinsip-prinsip *siyasah syar'iyah* dan etika kepimpinan Islam ke dalam bentuk puisi Melayu tradisional yang ringkas tetapi sarat dengan hikmah.

b) Struktur dan Isi Kandungan

Gurindam Dua Belas terdiri daripada dua belas fasal, masing-masing mengandungi rangkap-rangkap puisi dua baris bersajak yang mengandungi pengajaran mendalam berkaitan nilai *akidah*, *syariah*, dan *akhlak*. Setiap fasal membentuk satu kesatuan nilai yang mencerminkan

pandangan alam Islam yang dipadukan dengan kearifan tempatan. Namun demikian, dalam konteks *fiqh al-watan*, fasal kedua belas dianggap sebagai fasal yang paling signifikan kerana ia menggariskan secara langsung prinsip-prinsip kepemimpinan, struktur kuasa, hubungan antara raja dan rakyat, serta kesedaran spiritual sebagai asas pemerintahan.

Menurut Akmaliza Abdullah et al. (2017), fasal ke-12 mengandungi lima kata kunci utama yang boleh dianggap sebagai rumusan etika pemerintahan dalam kerangka *fiqh al-watan*:

- Muafakat – Menggambarkan hubungan harmoni antara raja dan para menteri, yang dibina atas dasar perundingan dan kebersamaan. Ini menolak kepemimpinan autoritarian dan mengangkat semangat syūrā sebagai mekanisme pentadbiran Islam yang kontekstual dalam budaya Melayu.
- Betul hati – Menunjukkan keikhlasan dan ketaatan rakyat terhadap pemimpin, bukan berdasarkan ketakutan, tetapi melalui rasa hormat dan amanah yang dibina atas integriti pemerintah.
- Adil – Ditekankan sebagai sifat utama yang mendatangkan *inayah* (pertolongan) Ilahi kepada pemerintahan. Keadilan bukan hanya bersifat perundangan, tetapi merupakan nilai moral yang mengikat semua lapisan kuasa dalam negara.
- Ilmu dan Ulama – Ulama digambarkan sebagai cahaya dan sumber rahmat; raja dan rakyat diseru untuk menghormati ilmu sebagai panduan dalam membuat keputusan, sekali gus menunjukkan sistem semak dan imbang antara kuasa duniawi dan autoriti keilmuan.
- Ingat mati dan akhirat – Kesedaran akan kematian dan tanggungjawab ukhrawi menjadi asas kepada integriti, menginsafkan pemerintah agar tidak menyalahgunakan kuasa. Ia selari dengan prinsip *muraqabah* dalam kerohanian Islam, yang menghubungkan politik dengan tanggungjawab akhirat.

Gabungan kelima-lima elemen ini membuktikan bahawa *fiqh al-watan* dalam *Gurindam Dua Belas* tidak terbatas kepada aspek struktur pemerintahan, tetapi merangkumi juga *ethos* moral, kerohanian dan hikmah tempatan yang menjadikan kepemimpinan bukan sekadar urusan kuasa, tetapi satu bentuk *taklif Ilahi* (tanggungjawab keagamaan). Fasal

ini, secara tersirat, juga memperlihatkan kehalusan sintesis antara *siyāsah syar‘iyyah*, adab Melayu, dan tasawuf yang menjadikan teks ini sebagai salah satu karya klasik politik Islam yang paling halus dan mendalam dari Alam Melayu.

c) *Fiqh al-Watan* dalam Bentuk Akhlak dan Syair

Berbeza dengan *Thamarat al-Muhimmah* dan HKP yang bersifat prosa normatif dan bersandarkan bentuk undang-undang serta nasihat eksplisit, *Gurindam Dua Belas* mengangkat pendekatan estetik dan didaktik. Sebagai puisi Melayu klasik, ia menggabungkan keindahan bahasa dan kedalaman makna, menjadikannya medium *fiqh al-watan* yang menyentuh jiwa, mudah dihafal, dan berkesan dari segi pendidikan rohani.

Kekuatan *Gurindam Dua Belas* terletak pada keupayaannya menyampaikan prinsip-prinsip *fiqh* dan *siyāsah Islamiyyah* dalam bentuk padat dan puitis. Ia menampilkan tiga elemen utama:

- *Fiqh al-akhlāq*: Menyampaikan nilai keadilan, amanah, dan ilmu yang dikaitkan dengan tanggungjawab sosial serta kepemimpinan.
- Pengajaran siasah secara kiasan: Kritikan dan nasihat disampaikan secara halus melalui simbolisme, selaras dengan tradisi adab Melayu.
- Penyatuan syariah dan tasawuf: Menekankan pentingnya *tazkiyyah* (penyucian jiwa) sebagai asas pemerintahan, menunjukkan bahawa kuasa tanpa akhlak akan membawa kepada *fasad* (kerosakan).

Pendekatan ini menunjukkan bahawa *fiqh al-watan* tidak terbatas kepada struktur hukum formal, tetapi juga merangkumi *tarbiyyah ruhiyyah* yang membentuk insan dan masyarakat. Justeru, *Gurindam Dua Belas* bukan sekadar teks sastera, tetapi merupakan ekspresi tamadun yang menyatukan nilai hukum, moral dan spiritual dalam bentuk yang berakar dalam budaya Melayu-Islam.

Jadual 4: Perbandingan HKP –*Thamarat al-Muhimmah – Gurindam Dua Belas*

Aspek	<i>Hukum Kanun Pahang (HKP)</i>	<i>Thamarat al-Muhimmah</i>	<i>Gurindam Dua Belas</i>
Bentuk	Kod undang-undang formal (93 fasal)	Risalah siyasa, nasihat pemerintahan (17 fasal)	Puisi dua baris (12 fasal)
Fokus	Undang-undang jenayah, muamalat, adat, agama	Keadilan politik, adab raja, tugas ulama, integriti pemimpin	Akhlak pemimpin, muafakat, kesedaran mati, hormat ulama
Pendekatan	Legal-positivistik Islamik	Siyasa syar'iyah + adab al-muluk	Estetik tasawuf dan akhlak Islam melalui syair
Sumber hukum	Syariah, Mazhab Syafi'i, qiyas, adat	Syariah, tasawuf, siyasa, pengalaman sejarah	Al-Qur'an, hadis, hikmah sufiyah
Sifat <i>fiqh al-watan</i>	Struktural, tersusun, sistemik	Kontekstual, moral, rohani	Ringkas, reflektif, pedagogi akhlak
Peranan ulama	Qadi sebagai pelaksana hukum	Ulama sebagai penasihat dan penentu legitimasi	Ulama dihormati sebagai rahmat dan pembimbing

Kesimpulan Subtopik

Gurindam Dua Belas mengukuhkan bahawa *fiqh al-watan* bukan hanya wujud dalam bentuk hukum atau teori politik, tetapi juga boleh mengambil bentuk puisi dan etika. Ia menjelmakan hikmah ketatanegaraan Islam dalam format yang dekat dengan hati dan budaya Melayu, menjadikannya teks pendidikan moral dan politik yang efektif. Dalam ekosistem warisan *fiqh al-watan*, karya ini melengkapi HKP yang struktural dan *Thamarat al-Muhimmah* yang reflektif, sekali gus membentuk satu sistem nilai dan hukum yang menyeluruh.

Sintesis Keseluruhan dan Konsep *Fiqh al-Watan* sebagai Kerangka Epistemik Melayu-Islam

a) *Fiqh al-Watan* sebagai Produk Intelektual Lokal

Analisis terhadap *Hukum Kanun Pahang*, *Thamarat al-Muhimmah*, dan *Gurindam Dua Belas* menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tradisional telah menghasilkan satu bentuk *fiqh* lokal yang utuh, sistematik dan bersepadu. *Fiqh* ini bukan semata-mata saduran literal hukum Islam dari Timur Tengah, tetapi hasil ijtihad kolektif yang menjelmakan nilai, struktur dan semangat Islam dalam konteks kerajaan Melayu. Inilah yang dinamakan sebagai *fiqh al-watan*; satu bentuk *fiqh* yang berpaksikan syariah tetapi menyantuni realiti setempat dan keperluan watan.

b) *Fiqh al-Watan* sebagai Epistemologi Alternatif

Dalam kerangka epistemik Melayu-Islam, *fiqh al-watan* berperanan sebagai alat pemaknaan realiti dan pelaksanaan hukum yang menjadikan syariah sebagai pusat panduan tetapi disampaikan melalui bentuk-bentuk yang sesuai dengan nilai tempatan. Ia secara kritis mencabar dualisme pengetahuan antara Barat dan Timur, serta menolak kecenderungan ekstrem sama ada dalam bentuk literalisme hukum mahupun ideologi politik transnasional yang mengabaikan konteks sejarah, budaya dan struktur sosial tempatan.

Ciri epistemik *fiqh al-watan* termasuk:

Jadual 5: Dimensi Epistemik dalam *Fiqh al-Watan*

Dimensi Epistemik	Huraian dalam <i>Fiqh al-Watan</i>
Ontologi Islamik	Berpandukan tauhid – hukum dan kuasa adalah milik Allah, bukan manusia atau ideologi raja.
Epistemologi Bersepadu	Gabungan wahyu (syariah), akal (ijtihad), dan adat (‘urf) – bukan positivisme semata.
Aksiologi Syariah	Matlamat hukum adalah kemaslahatan, keadilan, adab, dan pembinaan jiwa masyarakat.
Kaedah Hukum	Menggunakan <i>maqasid</i> , <i>istislah</i> , <i>syura</i> , <i>siyasah syar’iyyah</i> , dan <i>tasawuf akhlak</i> .
Medium Penyampaian	Hukum (HKP), nasihat politik (<i>Thamarat al-Muhimmah</i>), dan syair akhlak (<i>Gurindam Dua Belas</i>) sebagai wahana bersama.

c) Sintesis Tiga Warisan: Undang-undang, Siyasah, dan Akhlak

Ketiga-tiga teks yang dikaji bukan entiti yang terpisah, tetapi mewakili tiga lapisan saling melengkapi dalam struktur *fiqh al-watan*:

1. *Hukum Kanun Pahang* – struktur perundangan formal, mengurus jenayah, muamalat, kekeluargaan dan kuasa raja.
2. *Thamarat al-Muhimmah* – doktrin politik Islamik, menegur raja, mendidik pemimpin, dan mendefinisikan kuasa secara syar’i.
3. *Gurindam Dua Belas* – etika dan akhlak pemerintahan, membina adab, kesedaran spiritual dan akhlak penguasa dan rakyat.

Gabungan ini menghasilkan satu sistem sosial-politik yang menjadikan syariah sebagai prinsip, akhlak sebagai landasan, dan adat sebagai kerangka praktikal. Ia merupakan jawapan lokal kepada permasalahan politik dan pemerintahan, jauh sebelum kedatangan kolonialisme atau kebangkitan ideologi Islam moden.

d) Implikasi Teoretis dan Kontemporari

Teori *fiqh al-watan* membawa implikasi penting dalam menjawab cabaran kontemporari umat Islam, khususnya dalam konteks negara-bangsa, pluralisme budaya, dan transformasi institusi. Antara Implikasi utamanya ialah:

- Penegasan semula peranan ulama dalam siyazah lokal: Ulama Melayu dahulu bukan sekadar mufti, tetapi pembentuk polisi, penasihat sultan, dan penjaga *maqasid*.
- Penyusunan semula sistem hukum nasional berasaskan warisan *fiqh* lokal: Sistem undang-undang kontemporari boleh diperkaya dengan pendekatan undang-undang bertulis yang sistematik (*codified fiqh*) seperti HKP.
- Pendidikan nilai dan kepimpinan melalui teks sastra: *Gurindam Dua Belas* boleh diguna semula sebagai modul akhlak kenegaraan dalam sistem pendidikan.
- Dekolonisasi epistemologi hukum dan sejarah: *Fiqh al-watan* dapat mencabar naratif bahawa tamadun Melayu hanya bermula selepas penjajahan atau reformasi moden.

Fiqh al-watan ialah kerangka epistemik yang lahir daripada warisan Melayu-Islam yang berpaksikan tauhid, syariah dan adab. Ia bukan sahaja membuktikan keupayaan Melayu membentuk sistem hukum dan pemerintahan sendiri yang Islamik dan berfungsi, tetapi juga menjadi asas kepada pembangunan ilmu dan sistem kenegaraan alternatif pada masa kini. Dalam menghadapi krisis identiti, kejumudan *fiqh* literal, dan tekanan ideologi global, *fiqh al-watan* adalah jalan tengah yang berakar pada tradisi, responsif kepada realiti, dan terbuka kepada pembaharuan *syar'ī*.

Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu tradisional telah membina satu sistem hukum dan pemerintahan yang bersepadu, berakar dalam syariah, dan disesuaikan dengan konteks tempatan, yang dikenali sebagai *fiqh al-watan*. Melalui analisis terhadap tiga sumber utama iaitu *Hukum Kanun Pahang*, *Thamarat al-Muhimmah*, dan *Gurindam Dua Belas*, kajian ini mendapati bahawa *fiqh al-watan* bukan sahaja berfungsi

sebagai sistem undang-undang, tetapi juga sebagai doktrin siyasah dan panduan etika kepemimpinan.

Lebih penting lagi, *Fiqh al-watan* menampilkan integrasi yang holistik antara tiga dimensi utama: struktur dan institusi (HKP), nilai politik dan etika pemerintahan (Thamarat al-Muhimmah), serta pendidikan moral dan kerohanian (Gurindam Dua Belas). Gabungan ini melahirkan suatu kerangka epistemologi Melayu-Islam yang bersifat komprehensif, autentik dan kontekstual. Dalam konteks era pascakolonial yang menyaksikan krisis identiti dan kerancuan epistemologi dalam sistem politik serta pendidikan umat Islam, *fiqh al-watan* wajar dimartabatkan semula. Ia bukan sekadar warisan, tetapi merupakan tawaran alternatif yang kritikal dan relevan bagi merumus semula dasar-dasar politik, perundangan dan pendidikan negara Islam kontemporari yang lebih berakar dalam tradisi dan nilai setempat.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh skim geran penyelidikan Institut Ilmu Darul Makmur -Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (IIDM-MUIP) yang bertajuk “Fiqh al-Watan dan Governan/Tata Kelola Negeri Pahang: Strategi, Polisi dan Institusi”. Sehubungan dengan itu, pihak penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Institut Ilmu Darul Makmur-Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (IIDM-MUIP) atas sumbangan dana yang telah diberikan.

Rujukan

- Al-Attas, S. M. N. (1980). The concept of education in Islam. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Ghazali, A. H. (2005). *Iḥyā' 'ulūm al-dīn*. Dar al-Ma'rifah. (Original work published circa 1106)
- Al-Mawardi, A. H. (1996). *Al-Aḥkām al-sultāniyyah wa al-wilāyat al-dīniyyah*. Dār al-Ḥadīth.
- Al-Qaradawi, Y. (1991). *Fiqh al-muwāzanāt: Dirāsah fiqhiyyah mu'āsirah*. Maktabah Wahbah.
- Bakar, M. A. (2001). Pengaruh luar dan pengislaman dalam negeri: United Kingdom dan Eire dalam kebangkitan semula Islam di Malaysia. In M. R. Othman (Ed.), *Jendela masa: Kumpulan esei sempena persaraan Dato' Khoo Kay Kim* (pp. 407–410). Penerbit Universiti Malaya.
- Harris, K. M. A. (2011). Ilmu ketatanegaraan Melayu abad ke-19: Kajian terhadap karya Raja Ali Haji. *Sari: Journal of the Malay World and Civilisation*, 29(1), 79–101.
- Kamali, M. H. (2008). *Shariah law: An introduction*. Oneworld Publications.
- Kamali, M. H. (2010). *The middle path of moderation in Islam: The Qur'anic principle of wasatiyyah*. Oxford University Press.
- Raffles, T. S. (1821). *The history of Java* (Vols. 1–2). Black, Parbury, and Allen.
- Rahim, R. A. A. (2007). Aliran pemikiran Islam moden: Satu kajian perbandingan. *Jurnal Manusia dan Masyarakat*, 15, 69–88.
- Raja Ali Haji. (1999). *Thamarat al-Muhimmah li al-Umara' wa al-Ḥukkām* (H. Junus, Ed.). Lingga.

- Raja Ali Haji. (2007). *Gurindam Dua Belas*. Yayasan Kepemimpinan & Bahasa Melayu.
- Shadik, F. (2007). *Gurindam Dua Belas: Sebuah analisis sosiopolitik Melayu tradisi*. *Jurnal Tamadun Melayu*, 12(1), 55–70.
- Winstedt, R. O. (1934). *A history of classical Malay literature*. The Methodist Publishing House.
- Yusof, A. (2012). *Pemikiran ketatanegaraan Raja Ali Haji dalam Thamarat al-Muhimmah* [Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia]. Institutional Repository of Universiti Putra Malaysia. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/39136/>